

Muzikal Perdana: Perdana Menteri Malaysia dalam Teater Muzikal di Istana Budaya

Abdul Walid Ali (Walid Ali)¹, Madzlan Abet², Muhammad Faisal Ahmad³

¹Universiti Malaysia Sarawak UNIMAS, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Kota Samarahan, 94300, MALAYSIA

²Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Nerus, 21300, MALAYSIA

³Faculty of Music and Performing Arts UPSI, Tanjung Malim, 35900, MALAYSIA

*abdulwalidali@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.022>

Received 10 May 2021; Accepted 8 June 2021; Available online 25 June 2021

Abstrak: Muzikal berkaitan tokoh politik di Istana Budaya telah mendapat tempat sejak 2007 ketika Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaannya yang ke-50. Perkara ini difikirkan bersesuaian oleh kepimpinan negara pada waktu itu. Pertambahan jumlah karya muzikal tokoh politik ini memberi indikasi bahawa satu trend baharu telah terhasil dan bergerak seiring dengan zaman kegemilangan muzikal dari syarikat produksi Puan Sri Tiara Jacquelina. Sambutan terhadap pementasan berkaitan tokoh politik mula menurun pada tahun 2012 atas beberapa faktor. Dalam kajian berkaitan muzikal Perdana Menteri ini, Tun Siti Hasmah the Musical (2012) tidak disenaraikan kerana beliau tidak memegang jawatan sebagai menteri. Penyelidikan kualitatif ini memberi tumpuan kepada muzikal tokoh politik sebagai tema. Beberapa faktor membuat persembahan dan bentuk persembahan muzikal Perdana Menteri dianalisis berdasarkan maklumat jadual pementasan Istana Budaya di antara tahun 2007 dan 2011. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendokumentasikan persembahan sebegini dan akan membantu dalam penyelidikan lebih lanjut di masa depan. Penurunan penonton pada tahun 2012 dan tema baru dalam persembahan teater di Istana Budaya juga dilihat dalam kajian ini.

Kata Kunci: Teater Muzikal Malaysia, Ahli Politik, Teater, Istana Budaya, Perdana Menteri Malaysia

Abstract: Musicals related to political figures at Istana Budaya have been gaining ground since 2007 when Malaysia celebrated its 50th independence anniversary. The country's leadership considered this appropriate at the time. The increase in the number of musical works of these political figures shows that a new trend has emerged and is moving in line with the musical heyday of the production company Puan Sri Tiara Jacquelina. Response to staging related to political figures declined in 2012 because of several factors. In this study related to the Prime Ministers musical, Tun Siti Hasmah the Musical (2012) is not listed because she does not hold a post as

*Corresponding author: abdulwalidali@gmail.com

2021 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs

a minister. This qualitative research focuses on the musicals of political figures as a theme. We analyzed several performance factors and the form of the Prime Ministers musical performance based on the Istana Budaya staging schedule information between 2007 and 2011. This research aims to document such performances and will aid in further research in the future. The decline in audiences in 2012 and new themes in theater performances at the Palace of Culture were also seen in this study.

Keywords: Malaysian Musical Theater, Politician, Theater, Palace of Culture, Prime Minister of Malaysia

1. Pengenalan

Muzikal bertemakan ahli politik di Istana Budaya mempunyai trend persembahan mereka sendiri. Muzikal Cheng Lok (2007) ialah muzikal pertama yang menggunakan pendekatan ini. Perkara ini menarik perhatian kerana muzikal pertama bertema sebegini mengangkat tokoh dari etnik Cina. Perkembangan teater ini kemudiannya diikuti oleh Muzikal Putra (2007), Muzikal Ibu Zain (2008), Muzikal Tun Abdul Razak (2009), Muzikal Tun Mahathir (2010), dan Muzikal Tun Mahathir 2 (2011). Dari jajaran ini kita dapat lihat bahawa perkembangan teater muzikal tokoh politik ini mendapat tempat yang istimewa dari tahun 2007 sehingga 2011.

KLPac juga tidak terkecuali daripada mengikuti trend ini. Dalam ruang pentas mereka, telah dipentaskan beberapa muzikal berkaitan ahli politik tempatan. Universiti tempatan juga memaparkan tema ini di dalam universiti. Ini menunjukkan keinginan penerbit teater mula cenderung memilih format pementasan sebegini. Untuk rekod, populariti trend ini bermula sejak sambutan 50 tahun hari kebangsaan pada tahun 2007. Sambutan ini telah menjadi agenda nasional. Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2007, Tun Abdullah Ahmad Badawi ingin mempromosikan parti politiknya kepada umum kerana pilihan raya nasional akan berlangsung pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2008, setahun selepas sambutan itu. Oleh itu, kerajaan menggunakan seni persembahan ini untuk merayakan hari kebangsaan ke-50 dan mempromosikan agenda pemerintah pada masa yang sama.

Namun begitu, trend ini mula berubah setelah Muzikal Tun Mahathir (2011). Persembahan di Istana Budaya kebanyakannya merupakan persembahan konsert dan komedi sejak 2011 hingga 2017 [1]. Semasa kajian ini ditulis, Istana Budaya tidak mempunyai muzikal tokoh politik di pentas mereka. Penerbit bersama untuk kebanyakan muzikal, CTRA Production mempunyai model perniagaan baharu selepas Muzikal Tun Mahathir (2011). CTRA bekerjasama dengan produser animasi tempatan yang terkenal untuk mementaskan persembahan Muzikal Upin dan Ipin (2012). CTRA juga menghasilkan Di Bawah Lindungan Kaabah (2014), adaptasi dari penulis hebat Indonesia, Hamka. Tall Order Productions adalah salah satu penerbit tempatan yang paling produktif di Istana Budaya sejak tahun 2012 [1].

Tall Order Productions Sdn Bhd telah mengubah trend dengan menghasilkan pelbagai tema muzikal baru. Rancangan komedi dan adaptasi novel telah mendapat lebih banyak penonton untuk Istana Budaya. Dari aspek kewangan dan perniagaan, ini lebih menguntungkan penerbit dan Istana Budaya. Budaya popular di media arus perdana iaitu Lawak Ke Der? Pada tahun 2011 merupakan satu pementasan yang mengambil populariti siri komedi popular Raja Lawak oleh Astro dan digandingkankan dengan pelawak tempatan yang popular. Lebih banyak penerbit mula meninggalkan idea teater muzikal tokoh politik selepas tahun 2012 [1].

Dalam kajian ini, pengkaji memberi cadangan nama Muzikal Perdana kepada stail pementasan ini. Makna Perdana dilihat sesuai kerana sifatnya yang memberi keutamaan kepada Menteri yang paling utama dalam kerajaan iaitu Perdana Menteri. Penggunaan terma Muzikal Perdana Menteri dilihat berpotensi akan memberi kekeliruan kepada pembaca dan akan menganggap muzikal ini dibuat untuk Perdana Menteri semasa sedangkan kesemua Muzikal Perdana di Istana Budaya merujuk kepada Perdana Menteri yang sudah tidak memegang jawatan itu lagi. Selain itu, idea mencadangkan nama Muzikal Perdana ialah selari dengan matlamat Yayasan Kepimpinan Perdana yang merupakan Yayasan

yang dibentuk untuk memelihara, menyelidik dan menyebarkan maklumat mengenai Perdana Menteri Malaysia terdahulu.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada muzikal menjadikan Perdana Menteri Malaysia sebagai watak utama dan dipentaskan di Istana Budaya. Untuk membuat kajian ini, kajian perpustakaan telah dilakukan oleh penyelidik yang melibatkan melalui pembacaan jurnal dan laporan mengenai topik muzikal dalam negara. Analisis aktiviti kalendar Istana Budaya dilakukan untuk mengenal pasti perkembangan trend ini. Pengkaji menggunakan maklumat pementasan yang dari Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Panggung, Istana Budaya dari tahun 2004 sehingga 2018. Maklumat pementasan ini ialah maklumat utama dalam kajian ini. Produksi yang menjalankan teater sebegini, kekerapan menghasilkan muzikal ini dan penurunan trend pada tahun 2012 dilihat untuk membuat satu dapatan. Faktor populariti dan penurunan jenis persembahan ini juga dikaji dalam penyelidikan dengan melihat kepada kecenderungan kehendak sosial pada masa itu. Ini termasuk matlamat produksi dalam menhasilkan pementasan dan juga faktor ekonomi dan perkembangan politik. Isu politik juga mempengaruhi pemilihan tema selain daripada faktor perniagaan. Oleh itu, trend pembikinan teater muzikal Perdana Menteri juga dilakukan berdasarkan laporan jurnal model perniagaan produksi dan penerimaan khalayak.

3. Dapatan dan Perbincangan

Perkembangan teater muzikal dalam negara telah memberi impak besar pada tahun 2006. Ini sekaligus membentuk satu stil pementasan baharu. Persembahan muzikal dalam negara menjadi terkenal di Istana Budaya setelah teater yang diterbitkan oleh Puan Sri Tiara, Puteri Gunung Ledang The Musical (2006) dan P. Ramlee The Musical (2006) berjaya mendapat kehadiran penonton seramai 30,000 orang ke Istana Budaya [1] [2]. Ini merupakan satu jumlah yang sangat besar. Dalam hal ini, teater muzikal dilihat dapat membawa keuntungan besar dari aspek perniagaan. Sebilangan besar penerbit teater pada tahun berikutnya mengadakan persembahan muzikal dipercayai boleh mendapat lebih banyak penaja dan penonton. Banyak syarikat tempatan tidak mahu menaja persembahan teater [3]. Ini merupakan satu keadaan yang menyukarkan penerbit teater. Oleh itu, dengan mengadakan muzikal berkaitan tokoh politik, mereka percaya mereka boleh mendapat lebih banyak penaja dari parti politik dan juga dari organisasi bukan kerajaan yang berkaitan dengan ahli politik tersebut. Pengarah Istana Budaya pada masa itu, Datuk Jauhari Shaarani mempunyai pandangan tersendiri mengenai peningkatan jumlah muzikal di Istana Budaya. Beliau berpendapat bahawa lebih banyak khalayak menyukai muzikal berbanding teater yang bersifat serius. Muzikal mempunyai plot yang mudah dan menghiburkan. Persembahan muzikal juga mempunyai kualiti untuk mengumpulkan lebih banyak orang hadir ke ruang teater terutama sekali Istana Budaya [4].

Pada tahun 2007, Istana Budaya mempunyai dua musical tokoh politik - Muzikal Tan Cheng Lock, dan Muzikal Putra. CTRA Production telah mementaskan Muzikal Ibu Zain pada tahun berikutnya. Perkembangan ini kemudiannya diteruskan oleh Muzikal Tun Abdul Razak pada tahun 2009 dan Muzikal Tun Mahathir pada tahun 2010 dan 2011. Muzikal Tun Mahathir telah dipersembahkan dalam dua musim. Ini agak menarik memandangkan hanya Tun Mahathir mempunyai dua siri muzikal. Musim pertama Muzikal Tun Mahathir telah mengumpulkan RM900,000 [1] [5]. Melihat kepada kejayaan dan jumlah penonton yang hadir, para penerbit teater mula beralih arah kepada muzikal tokoh politik.

Pada tahun 2007, Malaysia telah menyambut 50 tahun kemerdekaan. Banyak aktiviti telah dijalankan secara besar-besaran oleh kerajaan untuk mempromosikan sambutan kemerdekaan ini. Terdapat banyak persembahan teater ditaja oleh sektor kerajaan dan parti politik. Dalam hal ini, Istana Budaya telah dijadikan lokasi utama untuk pementasan Muzikal Perdana. Perkara ini dilihat menguntungkan banyak pihak terutama sekali parti politik yang terlibat. Istana Budaya boleh menawarkan teknologi pementasan bertaraf dunia di samping menyediakan bakat untuk membuat pementasan. Dari pihak parti politik pula, ini dapat membantu promosi parti di samping dapat membantu menyemarakkan semangat nasionalisme dalam masyarakat. Sejumlah besar dana telah

disumbangkan untuk pementasan teater ini. The Actor Studio mementaskan Tunku (2008) dan Ismail - Hari Terakhir (2008). Kedua-dua persembahan itu adalah produksi teater untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 [6]. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa matlamat kedua-dua organisasi; Istana Budaya dan The Actor Studio ialah sama. Organisasi ini menghasilkan pementasan muzikal berkaitan tokoh politik untuk meraikan 50 tahun kemerdekaan.

Namun begitu, trend pembikinan teater ini telah berubah pada tahun 2012 apabila Istana Budaya memutuskan untuk menghasilkan lebih banyak adaptasi novel Melayu tempatan dalam teater. Pada tahun 2012, Lawak Ke Der satu persembahan komedi telah mempengaruhi trend Muzikal Perdana. Lawak Ke Der menjadi sangat terkenal dalam kalangan penonton Melayu. Budaya popular dari televisyen telah diangkat ke pentas Istana Budaya. Dalam hal ini, Lawak Ke Der? Mengumpulkan pelawak terkenal tanah air dan kebanyakannya mereka pada waktu itu ialah peserta rancangan komdei yang sangat terkenal dalam negara iaitu Maharaja Lawak dan Maharaja Lawak Mega. Jumlah penonton untuk hari pertama Lawak Ke Der (2011) adalah "1000 orang" [7]. Ini ialah satu jumlah kehadiran penonton yang sangat besar untuk satu ruang pementasan mega negara. Muzikal yang menjadi tunjang stail pementasan Istana Budaya kelihatan mula melihat kepada potensi stail pementasan yang berbeza.

Hanya tiga bekas Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai muzikal mereka sendiri di Istana Budaya. Untuk rekod, Tun Hussien Onn, Tun Abdullah Badawi, dan Dato' Seri Najib Razak ialah bekas Perdana Menteri yang tidak mempunyai Muzikal. Dapat dilihat bahawa, terdapat seorang tokoh yang mempunyai dua musim muzikal. Tun Mahathir mempunyai dua musim muzikal dan naratif kehidupan Tun Mahathir ialah lebih lama dibandingkan dengan Perdana Menteri yang lain. Perkara ini menarik untuk dibincangkan memandangkan hanya Tun Mahathir yang pernah menjadi Perdana Menteri Malaysia sebanyak dua kali. Seakan-akan memberi gambaran bahawa dua musim Muzikal Perdana Tun Mahathir ialah gambaran dua kali Tun Mahathir berkhidmat sebagai Perdana Menteri. Namun begitu, perkara ini hanyalah kebetulan kerana tiada siapa bakal menjangkakan Tun Mahathir akan menjadi Perdana Menteri untuk kali kedua semasa Muzikal Tun Mahathir musim kedua dipentaskan.

Plot tempoh kehidupan Muzikal Perdana Tun Mahathir lebih panjang berbanding tokoh lain yang banyak memfokus kepada kehidupan politik. Kisah hidup Tun Mahathir dalam Muzikal Perdana ini bermula dari kisah beliau semasa masih kecil sehingga hari pengunduran beliau diri dari dunia politik. Pengunduran ini ialah semasa Tun Mahathir memilih untuk bersara sebagai Perdana Menteri dan menyerahkan jawatannya kepada Timbalan Perdana Menteri Ketika itu iaitu Tun Abdullah Badawi. Keunikan Tun Mahathir selain daripada mempunyai dua musim muzikal ialah beliau merupakan satu-satunya ahli politik yang hidup ketika Muzikal Perdana berkaitan dirinya dipentaskan. Mengambil kira faktor usia Tun Mahathir yang panjang malah pernah menjadi Perdana Menteri Malaysia kali kedua pada tahun 2018, perkara ini bukanlah mustahil.

Beliau jug merupakan satu-satunya bekas Perdana Menteri yang mempunyai kehidupan isterinya dipentaskan sebagai muzikal di Istana Budaya. Ini memberi nilai tambah kepada nilai ketokohan dan populariti Tun Mahathir. Muzikal Tun Mahathir juga dilihat sebagai penamat kepada stail pemenatasan Muzikal Perdana di Istana Budaya yang menjadi satu trend sekitar 2007 hingga 2011 [1]. Menariknya, muzikal politik dalam aliran Istana Budaya bermula dari seorang pemimpin politik Cina dan diikuti oleh Perdana Menteri pertama, Perdana Menteri kedua dan berakhir dengan Perdana Menteri keempat dan Ketujuh negara (Tun Mahathir). Muzikal Ibu Zain merupakan satu-satunya muzikal yang menjadikan seorang tokoh politik wanita sebagai watak utama di samping menjadi tajuk kepada muzikal itu. Dari semua muzikal ini, hanya Tan Cheng Lock merupakan pemimpin dari parti politik yang berbeza. Tun Mahathir pernah menyertai dua parti politik. Dalam hal ini, beliau telah menjadi satu pemimpin yang unik.

Muzikal Perdana mempunyai unsur tersendiri dalam persembahan. Plot untuk teater muzikal ini biasanya memaparkan biografi ahli politik melalui pementasan teater. Biografi ini boleh jadi sangat singkat seperti kehidupan biografi Tunku Abdul Rahman untuk mendapatkan kemerdekaan dari British dalam Muzikal Putra (2007). Dalam Muzikal Putra, perjuangan mendapat kemerdekaan lebih diberi keutamaan berbanding Muzikal Perdana Tun Mahathir yang mempunyai kisah yang lebih mendalam dan panjang. Dalam Muzikal Perdana Putra, kisah hidup Tunku bermula sebagai pelajar di London. Ini diteruskan oleh kehidupan beliau dalam Tunku politiknya dan berakhir dengan perjuangan Tunku untuk

mendapatkan kemerdekaan. Sementara, Muzikal Tun Mahathir (2010) dan Muzikal Tun Mahathir 2 (2011) mempunyai kisah yang lebih panjang. Kehidupan Tun sebagai seorang kanak-kanak, remaja, sebelum berpolitik, semasa menjadi Perdana Menteri dan ketika dia memutuskan untuk bersara dari dunia politik.

Kisah politik Tun Dr Mahathir ialah kisah politik yang amat panjang. Malah sehingga hari ini, beliau masih lagi aktif dalam dunia politik. Salah satu kisah menarik dalam kehidupan Tun ialah kisah pengumuman persaraan Mahathir dari politik pada tahun 2003. Dalam adegan ini, beliau menekankan kepada ahli parti beliau bahawa beliau telah terlalu lama di tumpuk kuasa. Oleh itu, ucapan beliau "dah lama dah ..." yang bermaksud sudah lama menjadi Perdana Menteri adalah sebahagian daripada persembahan dalam Muzikal Perdana Tun Mahathir.

Berbeza pula dengan kisah dalam Muzikal Perdana Tunku Abdul Rahman. Dalam Muzikal Putra, kisah Tunku Abdul Rahman mengumpul emas dari ahli parti dan penduduk tempatan untuk pergi ke London adalah sebahagian daripada kisah penting dalam karier politik Tunku. Bahagian ini antara adegan penting dalam Muzikal Putra. Dalam kebanyakan hal, semua kisah baik dan jasa para ahli politik ditekankan dalam persembahan. Peranan mereka sebagai pemimpin dalam komuniti dilihat sebagai amat penting dalam persembahan.

4. Kesimpulan

Trend Musikal Perdana di Istana Budaya mempunyai jangka masa yang pendek iaitu dari tahun 2007 sehingga 2011. Semuanya bermula daripada idea persembahan untuk meraikan 50 tahun kemerdekaan Malaysia pada tahun 2007 yang kemudiannya menjadi teater bersejarah untuk beberapa Perdana Menteri Malaysia. Persembahan Muzikal Perdana ini memfokuskan ahli politik yang kebanyakannya orang Melayu walaupun terdapat watak yang berbangsa lain. Ini juga dilihat sebagai satu cara promosi Istana Budaya di samping menyahut agenda pemerintah dalam mempromosikan tokoh politik di atas pentas. Semenjak Datuk Jauhari Shaarani menjadi pengarah Istana Budaya, misi beliau adalah untuk mendapatkan lebih banyak keuntungan dan lebih banyak penonton baharu. Persembahan muzikal berkaitan ahli politik adalah salah satu strategi untuk tujuan ini. Anggota khayak baru adalah penyokong ahli politik dan sebahagian dari mereka adalah penyelidik ahli politik itu. Agenda Jauhari untuk menjadikan Istana Budaya dapat dilihat oleh penonton baru dengan membuat muzikal politik telah meningkatkan jumlah kehadiran di Istana Budaya. Muzikal yang menjadi terkenal sejak fenomena pecah panggung Puteri Gunung Ledang pada tahun 2006 menjadikan lebih banyak produksi yang mementaskan muzikal dan trend masih relevan hingga hari ini di Istana Budaya. Walau bagaimanapun, muzikal politik tidak digemari oleh penerbit selepas Muzikal Mahathir 2. Adaptasi novel ke pentas dan persembahan komedi telah menghasilkan penonton baharu untuk Istana Budaya dan mereka adalah faktor penting bagi Istana Budaya untuk tidak mementaskan muzikal politik sejak 2011.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Istana Budaya, "Maklumat Pementasan dari tahun 2004 hingga 2018," Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Panggung., Istana Budaya., Mei. 6, 2019.
- [2] ITAR, A. (2007). Banyakkan teater muzikal di Panggung Sari. Utusan Melayu.
- [3] Utusan Melayu (2008). Jadikan Panggung Sari lubuk emas.
- [4] Utusan Melayu (2009). Kalendar 2009 IB lebih meriah.
- [5] ABDULLAH, N. (2017). Istana Budaya Kutip RM12 Juta - Berita Hiburan | mStar. [dalam talian] Mstar.com.my. Boleh didapati di: <http://www.mstar.com.my/hiburan/berita-hiburan/2010/12/22/istana-budaya-kutip-rm12-juta/> [Diakses pada 17 Mac 2020].
- [6] Loo Fung Chiat & Loo Fung Ying, 2012. "Teater Muzik Kontemporari di Malaysia," Jurnal Antarabangsa Sains Sosial Asia, Masyarakat Ekonomi dan Sosial Asia, jilid. 2 (8), halaman 1339-1358, Ogos.
- [7] Utusan Dalam Talian. (2017). Lawak Ke 'Der? [dalam talian] Boleh didapati di: <http://www.utusan.com.my/hiburan/selebriti/lawak-ke-der-1.246329> [Diakses pada 17 Mac 2020].